

**IBUPEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA****UNIT PERHUBUNGAN AWAM**

ARAS 7 UTARA,
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO.3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62596 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

Telefon :
Fax :
e-mel :
Laman Web :

03-8882 2413
03-8889 5884
upa@customs.gov.my
<http://www.customs.gov.my>



Ruj. Kami : KE.HP(91)378/12 klt 15 (33)
Tarikh : 11 Julai 2008

Semua Ahli Panel Perunding Kastam – Swasta
(Senarai Seperti di Lampiran)

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

KENYATAAN AKHBAR - PEMBEKUAN LESEN PENGIMPORTAN ROKOK/MINUMAN KERAS DITARIKBALIK MULAI 1 JULAI 2008

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) telah membekukan semcntrara pengcluaran lesen mengimport rokok/minuman keras akibat daripada berlakunya lambakan rokok/minuman keras yang bertanda "Malaysian Duty Not Paid" (MDNP) pada 9 Oktober 2007.

Tujuan pembekuan tersebut adalah untuk membuat kajian dan mengenal pasti masalah pengimportan dan kelulusan yang diberi serta punca berlakunya lambakan rokok/minuman keras. Hasil kajian menunjukkan sepanjang tempoh pembekuan tersebut, kutipan cukai atas rokok/minuman keras meningkat berbanding tempoh yang sama dalam tahun sebelumnya.

Oleh itu, KDRM telah merangka strategi tertentu bagi menangani isu penyaludupan dan penyelewengan di mana permohonan lesen baru, memperbaharui, tambahan jenama/kuantiti mengimport rokok/minuman keras adalah dibenarkan mulai 1 Julai 2008 tetapi tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- Kuasa meluluskan permohonan lesen baru, memperbaharui, tambahan jenama/kuantiti mengimport rokok/minuman keras adalah ditimbang dan diputuskan oleh Panel Pelesenan Rokok/Minuman Keras Ibu Pejabat, Kastam Diraja Malaysia.
- Kelulusan lesen mengimport rokok/minuman keras akan mengambil kira perkara-perkara berikut :-

- Kuantiti
- Jenama
- Pintu Masuk
- Tempoh Pelesenan
- Pengesahan Juruaudit

- Pemegang lesen yang mengimport kurang daripada 25% jumlah kuantiti, mengikut jenama, yang telah diluluskan hendaklah memberikan justifikasi bersama-sama borang permohonan semasa pembaharuan lesen.
- Jenama yang tidak diimport dalam tempoh 12 bulan akan dibatalkan semasa pembaharuan lesen untuk tempoh berikutnya.
- Pintu masuk (tempat pengimportan) yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi dari dua tempat sahaja dan mestilah berdekatan / paling hampir dengan premis dimana syarikat beroperasi. Permohonan baru menggunakan pintu masuk selain daripada yang diluluskan hendaklah dengan kebenaran khas Ibu Pejabat.
- Pemegang lesen yang telah diluluskan tetapi tidak melakukan sebarang pengimportan rokok/minuman keras dalam tempoh 12 bulan, lesenya tidak akan diperbaharui.
- Pemegang lesen hendaklah mendapatkan pengesahan daripada juruaudit bertauliah keatas pengimportan dan penjualan/pemindahan rokok/minuman keras berbanding dengan pembelian/penampalan label cukai dan mengemukakannya bersama borang permohonan pembaharuan.

Pemindahan bagi rokok/minuman keras yang belum dibayar cukai hanya boleh dibuat dalam satu pergerakan sehala sahaja. Pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Pejabat Bahagian Kastam Ibu Pejabat atau Negeri.

Bahagian Kastam
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Putrajaya
Tel : 03-88822645/2649
Faks : 03-88895866
Email : kastam@customs.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(ISKANDAR BIN JAAFAR)
Penolong Kanan Pengarah Kastam
b.p Ketua Pengarah Kastam
Malaysia
No. Telefon : 03-88822277/012-3641907
E-mel : iskandar@customs.gov.my